

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	22 JULY 2017

PM solat jenazah anak perempuan Tun Dr Ismail

BH- 22/7/2017 pg. 2

Kuala Lumpur: Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak semalam menunaikan solat Jumaat dan solat jenazah Allahyarham Zailah Ismail, anak perempuan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Dr Ismail Abdul Rahman di Masjid At-Taqwa Taman Tun Dr Ismail (TTDI) di sini.

Beliau menunaikan solat sunat dua rakaat, mendengar khutbah serta menunaikan solat Jumaat yang dipimpin imam masjid, Mohd Fadlullah Mohd Nor.

Najib yang ditemani isteri, Datin Seri Rosmah Mansor kemudian menunaikan solat jenazah dan bersama-sama membacakan doa

agar roh Allahyarham ditempatkan dalam kalangan orang beriman.

Hidap kanser

Sementara itu, Mohd Tawfik Tun Dr Ismail, 66, memberitahu adiknya meninggal dunia kerana kanser di Pusat Perubatan Pakar Damansara pada 4.30 pagi semalam.

Jenazahnya dikebumikan Tanah Perkuburan Islam Bukit Kiara di sini.

Allahyarham Zailah, 64, meninggalkan empat anak - Tariq Ismail Mustafa 38, Yassif Nagim, 36, Kamariah Shakirin, 34 dan Ismail Iskandar Wildan, 27. **BERNAMA**